

KHUTBAH JUMAAT

“KELUARGA MALAYSIA YANG SEJAHTERA” (10 September 2021M/ 3 Safar 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **“Keluarga Malaysia Yang Sejahtera”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tarikh 16 September yang diraikan setiap tahun mengingatkan kita tentang sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia 1963. Sejak daripada tarikh tersebut, kita sebagai rakyat Malaysia telah mengecapi pelbagai manfaat hasil daripada kestabilan dan kemajuan negara serta keharmonian rakyatnya yang berbilang ras dan agama. Kesejahteraan yang kita nikmati ini perlulah kita bersama-sama mempertahankannya sebagai sebuah keluarga

yang besar iaitu Keluarga Malaysia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Luqman, ayat 12:

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmat-Nya kepadaMu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Situasi pada hari ini menyaksikan kita semua diuji dengan pandemik COVID-19 yang belum reda. Keadaan ini memaksa kita untuk menjalani kehidupan harian dengan norma baharu. Walaupun begitu, keadaan ini tidak wajar dijadikan sebagai penghalang untuk kita mencapai kesejahteraan, kecemerlangan dan kejayaan, lebih-lebih lagi dalam berhadapan dengan revolusi perindustrian keempat dan usaha merealisasikan wawasan negeri Sarawak ke arah menjadi Negeri Termaju pada tahun 2030. Inilah semangat daripada pembentukan Malaysia dan kemerdekaan yang perlu terus dirasakan dan disemarakkan oleh kita.

Masyarakat yang memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan

kemahiran yang tinggi merupakan faktor penting dalam mencapai matlamat menjadi negeri yang maju. Kemajuan yang dicapai oleh negeri sudah tentu akan membawa kesejahteraan kepada warganya dan juga keluarga besarnya iaitu Keluarga Malaysia.

Oleh sebab itu, umat Islam di Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya, perlu mempunyai semangat, kesediaan dan kesungguhan dalam menuntut dan menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran, sama ada yang bersifat fardu ain mahupun fardu kifayah. Pelbagai cara boleh digunakan walaupun tidak dapat secara bersemuka seperti pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Pada masa yang sama, umat Islam hendaklah memanfaatkan sepenuhnya teknologi, bukan hanya sekadar pengguna bahkan sebagai pencipta.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Masyarakat yang bersatu padu, prihatin dan mengambil berat antara satu sama lain adalah amat penting dalam konteks sebuah keluarga yang besar tanpa mengira kaum dan agama, iaitu Keluarga Malaysia.

Dalam suasana mencabar ketika ini, ramai dalam kalangan masyarakat kita yang terjejas sumber pendapatannya, hilang pekerjaan, terganggu emosi dan mentalnya, dan sebagainya. Mereka perlu kepada masyarakat yang prihatin yang boleh menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan keperluan mereka. Dalam sebuah hadis, *Abi Syuraih radiallahu*

anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنِ إِلَى جَارِهِ

Maksudnya: *Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.*

(Hadis sahih riwayat Imam Muslim)

Dalam hadis tadi, Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* menyeru agar prihatin dan berbuat baik kepada masyarakat lebih-lebih lagi jiran tetangga tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulitnya.

Selain itu, menjaga diri dengan mematuhi arahan pihak berkuasa seperti memakai pelitup muka dengan betul dan menjaga jarak fizikal sekurang-kurang satu meter ketika bertemu dengan orang lain, serta tidak melanggar prosedur operasi standard yang ditetapkan dan pantang larang ketika kuarantin, juga merupakan tanda keprihatinan terhadap kesihatan dan keselamatan orang lain.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Institusi keluarga yang sihat dan harmoni juga perlu bagi merealisasikan Keluarga Malaysia yang sejahtera. Keluarga yang bahagia akan membentuk masyarakat yang sejahtera.

Setiap ahli keluarga perlu mewujudkan suasana yang baik dan harmoni dalam keluarga mereka. Gunakan kesempatan bersama keluarga untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan

mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Antaranya, melakukan ibadah secara bersama seperti melakukan solat-solat sunat, membaca al-Quran dan hadis, mendengar ceramah-ceramah dan pengajian agama.

Elakkan daripada perkara-perkara yang boleh menimbulkan konflik dengan ahli keluarga yang lain sama ada antara suami atau isteri, ibu bapa dengan anak-anak, dan sesama adik-beradik. Amalkan sikap bertolak ansur, bersangka baik, memaafkan dan bantu-membantu antara satu sama lain. Imam at-Tirmizi *rahimahullah* meriwayatkan daripada Sayyidatina 'Aisyah *radiallahu anha*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Maksudnya: *Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kamu meninggal dunia, maka biarkanlah dia (jangan berbicara tentang keburukannya).*

Bagi suami dan isteri pula, uruslah ekonomi keluarga dengan bijaksana dan berhemat. Aturkanlah perbelanjaan mengikut kemampuan. Bak kata pepatah “Air dalam, berenang; air dangkal bercebok”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa

pengajaran atau ibrah yang boleh kita ambil daripada khutbah pada hari ini, antaranya ialah :

Pertama : Umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran serta menyampaikannya.

Kedua : Masyarakat yang prihatin dan mengambil berat antara satu sama lain adalah amat penting dalam konteks sebuah keluarga yang besar tanpa mengira kaum dan agama, iaitu Keluarga Malaysia.

Ketiga : Keluarga yang harmoni adalah asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu watala* dalam Surah at-Taubah, ayat 105:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ

الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاغْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا اُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْن، اٰمِيْن يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ. وَاِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللّٰهَ
الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ. اَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.